

Ahli perniagaan tidak sangka dapat hadiah cabutan bertuah di Maccops 2017

# Beli harumanis menang Proton Iriz

Oleh AKMAL AZIZ

**P**ETALING JAYA – Seorang wanita tidak menyangka langkahnya membeli tiga kilogram buah mangga harumanis membawa tuah apabila memenangi cabutan bertuah sebuah kereta Proton Iriz bernilai kira-kira RM45,000 pada Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia (Maccops) 2017 di Subang Jaya di sini.

Asnita Musarahar, 47, yang merupakan seorang ahli perniagaan berkata, dia membeli buah mangga harumanis pada harga RM150 dan menggunakan resit pembelian tersebut bagi menyertai cabutan bertuah berkenaan.

“Sebelum ini, saya kerap memasuki pertandingan cabutan bertuah tetapi tidak sangka kali ini memenangi hadiah kereta, inilah hadiah paling besar yang pernah saya menangi,” katanya

kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Penutup Maccops 2017 di Pusat Kovensyen Sunway Pyramid, Subang Jaya di sini semalam.

Pada majlis tersebut, Asnita menerima replika kunci kereta yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Henry Sum Agong.

Turut hadir Timbalan Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa), Mustadho Bahri dan Naib Presiden Angkasa, Datuk Kamarudin Ismail.

Karnival anjuran Angkasa yang berlangsung sejak 15 November lalu hingga semalam itu disertai 162 syarikat tempatan serta antarabangsa dengan kehadiran kira-kira 16,500 pengunjung.

Terdahulu Hendry berkata, Maccops 2017 berjaya mencatatkan urus niaga mencecah RM184

juta melibatkan pepadanan perniagaan antarabangsa dan tempatan serta pemeteraian beberapa memorandum persefahaman (MoU).

Beliau berkata, MoU yang berjaya dimeterai ialah memababitkan Angkasa dengan Felda Wellness Corporation dan Koperasi Farmasi Muslim Selangor Bhd. melibatkan kerjasama dalam bidang kesihatan.

“Satu lagi MoU yang dimeterai ialah kerjasama Angkasa dengan Persekutuan Koperasi Pertanian Kebangsaan, Korea Selatan untuk membangunkan program ternakan lembu tenusu koperasi di negara ini,” ujarnya.

Beliau berkata, Angkasa juga bekerjasama dengan Koperasi Doktor Pakar Bhd. untuk membangunkan Pusat Latihan Renal Angkasa bagi menjalankan latihan dalam perkhidmatan dialisis dengan anggaran kos RM1.5 juta.



HENRY (empat dari kiri) menyampaikan replika kunci kereta Proton Iriz kepada Asnita (dua dari kiri) yang memenangi cabutan bertuah pada Majlis Perasmian Penutup Maccops 2017 di Subang Jaya semalam.